NO. RUJUKAN
GPPKDV/9/11/2026-V1

GARIS PANDUAN

Pengemaskinian Status Pendaftaran Kontraktor Dorman

VERSI	TARIKH KUAT KUASA
1	09 November 2026

DISEDIAKAN OLEH

Bahagian Pembangunan Kontraktor

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)

MAKLUMAT DOKUMEN

Tajuk dokumen	Garis Panduan Pengemaskinian Status Pendaftaran Kontraktor Dorman
Pemilik dokumen	CIDB Malaysia
Disediakan oleh	Bahagian Pembangunan Kontraktor
Versi	1
Tarikh kuat kuasa	09 November 2026
Pengguna	Kontraktor
Skop	Pengemaskinian status pengelasan pendaftaran daripada DORMAN kepada AKTIF, dan pendaftaran semula kontraktor berstatus dorman

KANDUNGAN

1. Tujuan
2. Singkatan dan Takrifan
3. Kewajipan Mengemas Kini Maklumat Syarikat
4. Tempoh Pengemaskinian
5. Kaedah Permohonan dan Bayaran
6. Jenis Permohonan Mengikut Kategori Kontraktor
    - 6.1 Tidak memperoleh projek dalam tempoh tiga (3) tahun terkini — Lampiran A
    - 6.2 Mempunyai projek tetapi belum mengisytiharkannya dalam CIMS — Lampiran B
    - 6.3 Mempunyai rekod pengisytiharan projek dalam CIMS — Lampiran C
    - 6.4 Pendaftaran semula tanpa rekod pengisytiharan projek — Lampiran D
7. Kesan Kegagalan Mengemas Kini Status
8. Rayuan
9. Maklumat Lanjut

1. TUJUAN

Garis panduan ini menerangkan cara kontraktor berstatus dorman mengemas kini status pengelasan pendaftaran daripada **DORMAN** kepada **AKTIF**, dokumen yang perlu dikemukakan, dan kesan sekiranya kontraktor gagal berbuat demikian.

2. SINGKATAN DAN TAKRIFAN

Istilah	Maksud
CIDB	Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia
CIMS	Sistem dalam talian CIDB untuk pendaftaran kontraktor, pengemaskinian maklumat syarikat dan pengisytiharan projek
Kontraktor dorman	Mana-mana kontraktor berdaftar dengan CIDB yang tidak mengisytihar pelaksanaan projek dan/atau penyertaan dalam sebarang perolehan kerja dalam tempoh tiga (3) tahun terkini Status pengelasan pendaftarannya direkodkan sebagai DORMAN dalam CIMS
Pengisytiharan projek	Perekodan maklumat projek pembinaan yang diperoleh kontraktor ke dalam CIMS melalui Modul Pengisytiharan Projek
PPK	Perakuan Pendaftaran Kontraktor
SPKK	Sijil Perolehan Kerja Kerajaan
STB	Sijil Taraf Bumiputera
Tempoh tiga (3) tahun terkini	Tempoh tiga (3) tahun terkini daripada tahun permohonan

3. KEWAJIPAN MENGEMAS KINI MAKLUMAT SYARIKAT

Klausa 6.3 Syarat dan Terma Pendaftaran Kontraktor "*Mana-mana Kontraktor mempunyai status Dorman selama 3 tahun berturut-turut boleh ditarikbalik perakuan pendaftarannya secara otomatik oleh CIDB*

4. TEMPOH PENGEMASKINIAN

Kontraktor berstatus dorman hendaklah mengemukakan permohonan pengemaskinian status dalam tempoh 21 hari daripada tarikh pemakluman.

Kontraktor yang tidak mengemas kini status dalam tempoh ini akan tertakluk kepada tindakan di perenggan 7.

5. KAEDAH PERMOHONAN DAN BAYARAN

Permohonan hendaklah dikemukakan **melalui sistem CIMS** https://cims.cidb.gov.my/ sebagai permohonan pengemaskinian maklumat syarikat (perubahan status pengelasan pendaftaran), berserta dokumen sokongan yang lengkap dan bayaran fi berikut:

Jenis bayaran	Kadar
Fi pemprosesan	RM30.00
Yuran perakuan	RM100.00

6. JENIS PERMOHONAN MENGIKUT KATEGORI KONTRAKTOR

Kontraktor hendaklah terlebih dahulu mengenal pasti kategori masing-masing berdasarkan jadual di bawah, kemudian merujuk perenggan dan carta alir yang berkaitan bagi tujuan pengemaskinian status pengelasan.

Situasi kontraktor	Rujukan
Tiada projek dalam tempoh tiga (3) tahun terkini	Perenggan 6.1 Lampiran A
Ada projek, tetapi belum diisytiharkan dalam CIMS	Perenggan 6.2 Lampiran B
Ada projek dan sudah diisytiharkan dalam CIMS	Perenggan 6.3 Lampiran C
Memohon pendaftaran semula tanpa rekod pengisytiharan projek	Perenggan 6.4 Lampiran D

Syarat khas Gred G7: Kontraktor Gred G7 wajib memenuhi kedua-dua syarat, iaitu sekurang-kurangnya satu (1) projek yang diisytiharkan dalam CIMS DAN sekurang-kurangnya dua belas (12) bukti penyertaan tender, sebut harga, surat kebenaran khas CIDB, atau request for proposal (RFP) dalam tempoh tiga (3) tahun terkini.

6.1 Kontraktor Dorman yang Tidak Memperoleh Projek dalam Tempoh Tiga (3) Tahun Terkini

Kontraktor Gred G1 hingga G6 dalam kategori ini boleh memohon pengemaskinian status dengan mengemukakan **sekurang-kurangnya dua belas (12) bukti penyertaan tender, sebut harga atau kerja undi yang berlainan bagi tempoh tiga (3) tahun terkini** melalui CIMS https://cims.cidb.gov.my/ (Modul Pendaftaran Kontraktor).

Kontraktor Gred G7 yang tidak memperoleh sebarang projek dalam tempoh tiga (3) tahun terkini tidak layak dikemas kini kepada status AKTIF, kerana Gred G7 wajib mempunyai sekurang-kurangnya satu (1) projek DAN dua belas (12) bukti penyertaan.

Bukti yang diterima ialah:

- dokumen penyertaan tender;
- invois atau resit bayaran penyertaan sebut harga;
- bukti penyertaan kerja undi; atau
- surat kebenaran khas CIDB

Setiap bukti penyertaan hendaklah mengandungi maklumat lengkap, iaitu **tajuk projek, maklumat pelanggan, nilai projek** dan **tempoh kerja** (bagi sebut harga).

Proses permohonan adalah seperti dalam carta alir di **Lampiran A**.

6.2 Kontraktor Dorman yang Mempunyai Projek tetapi Belum Mengisytiharkannya dalam CIMS

Kontraktor yang mempunyai projek dalam tempoh tiga (3) tahun terkini, tetapi belum mengisytiharkannya dalam CIMS, hendaklah mengikut langkah berikut:

1. Isytiharkan projek melalui CIMS https://cims.cidb.gov.my/ (Modul Pengisytiharan Projek).
2. Tunggu pengisytiharan projek disahkan oleh CIDB.
3. Kemukakan permohonan pengemaskinian status daripada DORMAN kepada AKTIF melalui CIMS. Bagi Gred G7, muat naik juga dua belas (12) bukti penyertaan tender, sebut harga, surat kebenaran khas CIDB atau kerja undi dalam Modul Pendaftaran Kontraktor.

Permohonan tertakluk kepada syarat dan kelulusan CIDB. Proses permohonan adalah seperti dalam carta alir di **Lampiran B**.

6.3 Kontraktor Dorman yang Mempunyai Rekod Pengisytiharan Projek dalam CIMS

Kontraktor yang telah mempunyai rekod pengisytiharan projek dalam CIMS bagi tempoh tiga (3) tahun terkini boleh terus mengemukakan permohonan pengemaskinian status daripada DORMAN kepada AKTIF melalui permohonan kemas kini maklumat syarikat dalam CIMS https://cims.cidb.gov.my/, tertakluk kepada syarat dan kelulusan CIDB.

Bagi Gred G7, permohonan hendaklah disertakan dua belas (12) bukti penyertaan tender, sebut harga, surat kebenaran khas CIDB atau kerja undi dalam Modul Pendaftaran Kontraktor.

Proses permohonan adalah seperti dalam carta alir di **Lampiran C**.

6.4 Pendaftaran Semula Kontraktor Dorman Tanpa Rekod Pengisytiharan Projek dalam CIMS

Berkuat kuasa **15 November 2026**, permohonan pendaftaran semula oleh kontraktor berstatus dorman yang tidak mempunyai rekod pengisytiharan projek dalam CIMS https://cims.cidb.gov.my/ bagi tempoh tiga (3) tahun terkini **boleh ditolak** oleh CIDB.

Sebelum mengemukakan semula permohonan pendaftaran semula, kontraktor hendaklah melengkapkan **perkara berikut** dalam CIMS mengikut gred:

(a) Gred G1 – G6 yang mempunyai projek: isytiharkan sekurang-kurangnya satu (1) projek melalui Modul Pengisytiharan Projek; **ATAU**

(b) **Gred G1 – G6 yang tidak mempunyai projek:** muat naik sekurang-kurangnya **dua belas (12) bukti penyertaan** tender, sebut harga atau kerja undi yang berlainan bagi tempoh tiga (3) tahun terkini. Bukti yang diterima ialah:

- dokumen penyertaan tender;
- invois atau resit bayaran penyertaan sebut harga;
- bukti penyertaan kerja undi; atau
- surat kebenaran khas CIDB.

(c) **Gred G7:** wajib melengkapkan kedua-dua perkara (a) dan (b).

Maklumat yang diisytiharkan akan disemak oleh pegawai CIDB. Maklumat yang bercanggah dengan dokumen yang dimuat naik akan ditolak.

Proses pendaftaran semula adalah seperti dalam carta alir di **Lampiran D**.

7. KESAN KEGAGALAN MENGEMAS KINI STATUS

7.1 Kontraktor yang gagal mengemas kini status dalam tempoh yang ditetapkan, atau tidak memenuhi keperluan pengisytiharan minimum, akan dikenakan tindakan berikut:

a) PPK ditarik balik sehingga tamat tempoh sah lakunya atau bagi tempoh minimum satu (1) tahun, mengikut mana-mana yang terkemudian dan SPKK serta STB tidak lagi menjadi sah;

b) Semua pengarah/pemilik syarikat boleh disenarai hitam selama satu (1) tahun dan disekat. Bayaran pengangkatan sekatan sebanyak RM3,000.00 boleh dikenakan sekiranya ingin

membuat pendaftaran semula syarikat yang sama selepas tempoh sekatan dan tempoh Tarik Balik PPK tamat; dan

c) Pengarah/pemilik yang disenarai hitam tetapi turut menjadi pengarah dalam pendaftaran kontraktor lain yang masih berstatus aktif turut terjejas dan perlu membayar RM 3,000.00 untuk pemutihan status senarai hitam tersebut.

7.2 Bagi pengarah/pemilik syarikat yang disenarai hitam dan turut mempunyai kepentingan sebagai pengarah/pemilik dalam pendaftaran kontraktor lain yang masih berstatus aktif, bayaran boleh dibuat dalam tempoh tindakan penarikan balik PPK bagi membolehkan kontraktor meneruskan operasi dan aktiviti melalui pendaftaran kontraktor tersebut. Walau bagaimanapun, PPK bagi syarikat yang dikenakan tindakan penarikan balik akan kekal disekat sehingga tamat tempoh tindakan tarik balik.

7.3 Selepas tempoh tarik balik tamat, kontraktor boleh memohon pendaftaran semula dengan membuat bayaran buka sekatan ahli pengarah/pemilik dan Syarikat. PPK akan diberikan dengan tempoh sah laku **satu (1) tahun**. Sekiranya dalam tempoh sah laku tersebut kontraktor masih tidak mempunyai rekod pengisytiharan projek atau penyertaan tender, sebut harga, surat kebenaran khas CIDB atau kerja undi, kontraktor **tidak lagi dibenarkan memohon pendaftaran semula seterusnya**. Kontraktor perlu membuat pendaftaran baharu menggunakan nombor pendaftaran SSM yang baharu, dan maklumat serta sejarah syarikat lama tidak boleh dibawa ke syarikat baharu.

7.4 Bayaran bagi permohonan buka sekatan sistem CIMS dan buka sekatan pendaftaran semula adalah seperti berikut:

Jenis bayaran	Kadar	Medium
Bayaran buka sekatan sistem CIMS	RM200.00	Sistem CIMS
Bayaran buka sekatan pendaftaran semula	RM3,000.00	Kaunter pejabat negeri / cawangan

8. RAYUAN

Tiada sebarang rayuan akan dipertimbangkan sepanjang tempoh tindakan dikenakan, tanpa mengira alasan atau sebab yang dikemukakan.

9. MAKLUMAT LANJUT

Sebarang pertanyaan berkaitan garis panduan ini boleh dikemukakan melalui saluran e-Bantuan CIDB di **https://www.cidb.gov.my/e-bantuan/**.**03-55673300** atau di kaunter Pejabat negeri dan Cawangan

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran	Perkara
Lampiran A	Carta Alir Permohonan Pengemaskinian Status Pengelasan Kontraktor Dorman yang Tidak Memperoleh Projek dalam Tempoh Tiga (3) Tahun Terkini
Lampiran B	Carta Alir Permohonan Pengemaskinian Status Pengelasan Kontraktor Dorman yang Belum Mengisytiharkan Projek dalam CIMS bagi Tempoh Tiga (3) Tahun Terkini
Lampiran C	Carta Alir Permohonan Pengemaskinian Status Pengelasan Kontraktor Dorman yang Mempunyai Rekod Pengisytiharan Projek dalam CIMS bagi Tempoh Tiga (3) Tahun Terkini
Lampiran D	Carta Alir Permohonan Pendaftaran Semula Kontraktor Dorman yang Tidak Mempunyai Rekod Pengisytiharan Projek dalam CIMS

TAJUK PROSEDUR: PENGEMASKINIAN DAFTAR KONTRAKTOR DORMAN

i. Kontraktor berstatus dorman yang tidak memperolehi projek 3 tahun terkini

CARTA ALIR PROSES	AKTIVITI	TEMPOH	TANGGUNG JAWAB
	**1. Pemakluman** a. Kontraktor menerima **Pemakluman Kemaskini Status Pengelasan Pendaftaran Kontraktor**	1 hari	CIDB
	2. Tempoh Kemaskini Status Pengelasan Pendaftaran Kontraktor a. Kontraktor perlu membuat permohonan pengemaskinian status **dalam tempoh 21 hari daripada tarikh pemakluman.**	21 hari	Kontraktor
	3. Pengemukaan Dokumen Status Aktif a. G1 – G6: Muat naik min. 12 bukti penyertaan (tender, sebut harga, surat kebenaran khas CIDB atau kerja undi) bagi tempoh 3 tahun terkini dalam Modul Pendaftaran Kontraktor. b. G7: Wajib isytihar min. 1 projek (SST, invois atau inden kerja) dalam Modul Pengisytiharan Projek DAN muat naik min. 12 bukti penyertaan seperti (a). G7 tanpa projek tidak layak dikemas kini kepada status AKTIF.	1 hari	Kontraktor
	4. Proses semakan dan pengesahan penyertaan tender, sebut harga atau kerja undi a. Pegawai akan menyemak dan mengesahkan maklumat yang diisytihar dengan dokumen yang dimuatnaik. b. Setelah maklumat disahkan, kontraktor boleh kemaskini status pengelasan , jika gagal tindakan pembetulan diperlukan	1-5 hari	CIDB
	5. Pengemaskinian status pengelasan pendaftaran a. Kontraktor perlu membuat permohonan kemaskini maklumat syarikat untuk membuat pertukaran status pengelasan pendaftaran kepada AKTIF dengan bayaran fi proses RM30.	1 hari	Sistem CIMS
	6. Proses kelulusan permohonan kemaskini status a. Pegawai akan memproses permohonan kemaskini.	1- 5 hari	CIDB
	7. Keputusan a. Kontraktor yang lulus akan memperolehi Perakuan Pendaftaran Kontraktor dengan status AKTIF.	1 hari	Sistem CIMS
	8. Cetakan Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) a. Kontraktor perlu membayar yuran perakuan RM100	-	Kontraktor
	9. Sekatan Pentadbiran Sistem CIMS a. Sekiranya kontraktor tidak membuat kemaskini status dalam tempoh 21 hari daripada Tarikh pemakluman, Sekatan pentadbiran sistem CIMS akan dilaksanakan	21 hari	Sistem CIMS
	10. Permohonan buka sekatan a. Kontraktor dibenarkan membuka sekatan dengan membuat bayaran buka sekatan RM 200 di sistem CIMS bagi membuat pengemaskinian status pengelasan	-	Kontraktor
	11. Penarikan balik Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) a. Tarik Balik Perakuan Pendaftaran Kontraktor akan dilaksanakan bermula 1 Januari 2027 kepada kontraktor yang tidak mengemaskini status pengelasan dorman kepada aktif mengikut keputusan Jawatankuasa Tindakan yang berkuat kuasa. b. Penarikan balik PPK berkuat kuasa sehingga tamat tempoh sah laku PPK atau minima satu (1) tahun.	Bermula 1 Januari 2027	CIDB
	12. Tindakan selepas Tarik Balik PPK a.Selepas tempoh sekatan tamat, pengarah/pemilik boleh memohon pendaftaran semula dengan caj mohon buka sekatan ke atas Syarikat dan Pengarah/Pemilik sebanyak RM3,000. b. Permohonan daftar semula akan diberi kelulusan selama 1 tahun c. Sekiranya dalam tempoh sah laku tersebut kontraktor masih tidak mempunyai rekod pengisytiharan projek atau penyertaan tender, sebut harga atau kerja undi, kontraktor tidak lagi dibenarkan memohon pendaftaran semula. Kontraktor perlu membuat pendaftaran baharu menggunakan nombor pendaftaran SSM yang baharu, dan maklumat serta sejarah syarikat lama tidak boleh dibawa ke syarikat baharu.	-	CIDB

TAJUK PROSEDUR: PENGEMASKINIAN DAFTAR KONTRAKTOR DORMAN

i. Kontraktor Berstatus Dorman yang Tidak Mengisytiharkan Projek dalam Sistem CIMS bagi Tempoh Tiga (3) Tahun Terkini

CARTA ALIR PROSES	AKTIVITI	TEMPOH	TANGGUNG JAWAB
	**1. Pemakluman** a. Kontraktor menerima **Pemakluman Kemaskini Status Pengelasan Pendaftaran**	1 hari	CIDB
	2. Tempoh Kemaskini Status Pengelasan Pendaftaran a. Kontraktor perlu membuat permohonan pengemaskinian status **pengkelasan dalam tempoh 21 hari daripada tarikh pemakluman**	21 hari	Kontraktor
	3. Pengisytiharaan Projek a. Kontraktor yang belum membuat pengisytiharan projek 3 tahun terkini hendaklah terlebih dahulu membuat pengisytiharan melalui sistem CIMS (Modul Pengisytiharaan Projek) sebelum melaksanakan pengemaskinian status pengkelasan pendaftaran.	1 hari	Kontraktor
	4. Proses semakan dan pengesahan projek a. Pegawai akan menyemak dan mengesahkan projek yang diisytihar b. Setelah projek disahkan, kontraktor boleh kemaskini status pengkelasan, jika gagal tindakan pembetulan diperlukan	1-5 hari	CIDB
	5. Pengemaskinian status pengelasan pendaftaran a. Setelah projek disahkan, kontraktor memohon pertukaran status pengkelasan kepada AKTIF melalui CIMS (Modul Pendaftaran) dengan fi proses RM30. b. G7: Wajib muat naik min. 12 bukti penyertaan tender, sebut harga, surat kebenaran khas CIDB atau kerja undi.	1 hari	Kontraktor
	6. Proses kelulusan permohonan kemaskini status pengelasan a. Pegawai akan memproses permohonan kemaskini status pengelasan pendaftaran.	1- 5 hari	CIDB
	7. Keputusan a. Kontraktor yang lulus kemaskini akan memperolehi Perakuan Pendaftaran Kontraktor dengan status pengkelasan AKTIF	1 hari	Sistem CIMS
	8. Cetakan Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) a. Kontraktor perlu membayar yuran perakuan RM100	-	Kontraktor
	9. Sekatan Pentadbiran Sistem CIMS a. Sekiranya kontraktor tidak membuat kemaskini status dalam tempoh 21 hari daripada Tarikh pemakluman Sekatan pentadbiran sistem CIMS akan dilaksanakan bermula	21 hari	Sistem CIMS
	10. Permohonan Buka Sekatan a. Kontraktor dibenarkan membuka sekatan dengan membuat bayaran buka sekatan RM 200 di sistem CIMS bagi membuat pengemaskinian status pengelasan	-	Kontraktor
	11. Penarikan balik Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) a. Tarik Balik Perakuan Pendaftaran Kontraktor akan dilaksanakan bermula 1 Januari 2027 kepada kontraktor yang tidak mengemaskini status pengkelasan dorman kepada aktif mengikut keputusan Jawatankuasa Tindakan yang berkuat kuasa. b. Penarikan balik PPK berkuat kuasa sehingga tamat tempoh sah laku PPK atau minima satu (1) tahun.	Bermula 1 Januari 2027	CIDB
	12. Tindakan selepas Tarik Balik PPK a.Selepas tempoh sekatan tamat, pengarah/pemilik boleh memohon pendaftaran semula dengan caj mohon buka sekatan ke atas Syarikat dan Pengarah/Pemilik sebanyak RM3,000. b. Permohonan daftar semula akan diberi kelulusan selama 1 tahun c. Sekiranya dalam tempoh sah laku tersebut kontraktor masih tidak mempunyai rekod pengisytiharan projek atau penyertaan tender, sebut harga atau kerja undi, kontraktor tidak lagi dibenarkan memohon pendaftaran semula. Kontraktor perlu membuat pendaftaran baharu menggunakan nombor pendaftaran SSM yang baharu, dan maklumat serta sejarah syarikat lama tidak boleh dibawa ke syarikat baharu.	-	Kontraktor

TAJUK PROSEDUR: PENGEMASKINIAN DAFTAR KONTRAKTOR DORMAN

i. Kontraktor berstatus dorman yang mempunyai rekod pengisytiharaan projek 3 tahun terkini

CARTA ALIR PROSES	AKTIVITI	TEMPOH	TANGGUNG JAWAB
	**1. Pemakluman** a. Kontraktor menerima **Pemakluman Kemaskini Status Pengelasan Pendaftaran**	1 hari	CIDB
	2. Pengemaskinian Status Pengelasan a. Kontraktor perlu membuat permohonan kemaskini maklumat Syarikat untuk membuat pertukaran status pengelasan pendaftaran kepada AKTIF **dalam tempoh 21 hari daripada tarikh pemakluman** melalui sistem cims dengan bayaran yuran proses RM30. b. G7: Wajib muat naik min. 12 bukti penyertaan tender, sebut harga, surat kebenaran khas CIDB atau kerja undi dalam tempoh 3 tahun terkini dalam Modul Pendaftaran.	21 hari	Kontraktor
	3. Proses kelulusan permohonan kemaskini status pengelasan a. Pegawai akan memproses permohonan kemaskini status pengelasan kontraktor	1-5 hari	CIDB
	4. Keputusan a. Kontraktor yang lulus kemaskini akan memperolehi Perakuan Pendaftaran Kontraktor dengan status pengelasan pendaftaran AKTIF	1 hari	Sistem CIMS
	5. Cetakan Perakuan Pendaftaran Kontraktor a. Kontraktor perlu membayar yuran perakuan RM100	-	Kontraktor
	6. Sekatan Sistem a. Sekiranya kontraktor tidak membuat kemaskini status pengelasan dalam tempoh 21 hari daripada Tarikh pemakluman Sekatan sistem cims akan dilaksanakan.	21 hari	Sistem CIMS
	7. Permohonan buka sekatan a. . Kontraktor dibenarkan membuka sekatan dengan membuat bayaran buka sekatan RM 200 di sistem CIMS bagi membuat pengemaskinian status pengelasan	-	Kontraktor
	8. Penarikan balik Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) a. Tarik Balik Perakuan Pendaftaran Kontraktor akan dilaksanakan bermula 1 Januari 2027 kepada kontraktor yang tidak mengemaskini status pengelasan dorman kepada aktif mengikut keputusan Jawatankuasa Tindakan yang berkuat kuasa. b. Penarikan balik PPK berkuat kuasa sehingga tamat tempoh sah laku PPK atau minimum satu (1) tahun.	Bermula 1 Januari 2027	CIDB
	9. Tindakan selepas Tarik Balik PPK a.Selepas tempoh sekatan tamat, pengarah/pemilik boleh memohon pendaftaran semula dengan caj mohon buka sekatan ke atas Syarikat dan Pengarah/Pemilik sebanyak RM3,000. b. Permohonan daftar semula akan diberi kelulusan selama 1 tahun c. Sekiranya dalam tempoh sah laku tersebut kontraktor masih tidak mempunyai rekod pengisytiharan projek atau penyertaan tender, sebut harga atau kerja undi, kontraktor tidak lagi dibenarkan memohon pendaftaran semula. Kontraktor perlu membuat pendaftaran baharu menggunakan nombor pendaftaran SSM yang baharu, dan maklumat serta sejarah syarikat lama tidak boleh dibawa ke syarikat baharu.	-	Kontraktor

TAJUK PROSEDUR: PENGEMASKINIAN DAFTAR KONTRAKTOR DORMAN

i. Pendaftaran semula kontraktor berstatus dorman yang tidak mempunyai rekod pengisytiharaan projek 3 tahun terkini

CARTA ALIR PROSES	AKTIVITI	TEMPOH	TANGGUNG JAWAB
	**1. Penolakan Permohonan Pendaftaran Semula Kontraktor** a. Kontraktor berstatus dorman yang tidak mempunyai rekod pengisytiharaan projek 3 tahun terkini, pegawai boleh menolak permohonan tersebut.	-	CIDB
	2. Pengisytiharaan Projek / Penyertaan Tender,sebutharga,kerja undi,surat kebenaran khas a. G1 – G6: Isytihar sekurang-kurangnya 1 projek (SST, invois atau inden kerja) dalam Modul Pengisytiharan Projek, ATAU muat naik min. 12 bukti penyertaan tender, sebut harga, surat kebenaran khas CIDB atau kerja undi bagi tempoh 3 tahun terkini dalam Modul Pendaftaran, sebelum permohonan pendaftaran semula. b. G7: Wajib isytihar sekurang-kurangnya 1 projek DAN muat naik min. 12 bukti penyertaan seperti (a).	-	Kontraktor
	3. Proses semakan projek/penyertaan a. Pegawai akan menyemak dan mengesahkan maklumat yang diisytihar b. Jika maklumat yang isytihar bercanggah dengan dokumen yang dimuatnaik, maklumat tersebut akan ditolak.	1-5 hari	CIDB
	4. Permohonan Pendaftaran Semula a. Kontraktor membuat permohonan pendaftaran semula dengan memenuhi syarat permohonan.	-	Kontraktor
	5. Proses kelulusan permohonan pendaftaran semula a. Pegawai proses akan menyemak dan memberi kelulusan bagi permohonan pendaftaran semula..	1-5 hari	CIDB
	6. Keputusan pendaftaran semula a. Kontraktor mendapat surat kelulusan dan membayar yuran pendaftaran mengikut gred yang diluluskan.	1 hari	Kontraktor
	7. Pengemaskinian status pengelasan pendaftaran a.Setelah mendapat kelulusan dan membayar yuran pendaftaran. Kontraktor perlu membuat permohonan kemaskini maklumat syarikat bagi pertukaran status pengelasan pendaftaran kepada AKTIF dengan bayaran fi proses RM30.	1 hari	Kontraktor
	8. Proses kelulusan permohonan kemaskini status pengelasan a. Pegawai akan memproses permohonan kemaskini.	1 – 5 hari	CIDB
	9. Keputusan a. Kontraktor yang lulus akan memperolehi Perakuan Pendaftaran Kontraktor dengan status AKTIF.	1 hari	Sistem CIMS
	10. Cetakan Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) a. Kontraktor perlu membayar yuran perakuan RM100	-	Kontraktor
	11. Sekatan Pentadbiran Sistem CIMS a. Sekiranya kontraktor yang telah lulus pendaftaran semula tetapi tidak membuat kemaskini status pengelasan, sekatan pentadbiran sistem CIMS akan dilaksanakan.	-	Sistem CIMS
	12. Permohonan buka sekatan a. Kontraktor dibenarkan membuka sekatan dengan membuat bayaran buka sekatan RM 200 di sistem CIMS bagi membuat pengemaskinian status pengelasan	-	Kontraktor
	13. Penarikan balik Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) a. Tarik Balik Perakuan Pendaftaran Kontraktor akan dilaksanakan bermula 1 Januari 2027 kepada kontraktor yang tidak mengemaskini status pengelasan dorman kepada aktif mengikut keputusan Jawatankuasa Tindakan yang berkuat kuasa. b. Penarikan balik PPK berkuat kuasa sehingga tamat tempoh sah laku PPK atau minimum satu (1) tahun.	Bermula 1 Januari 2027	CIDB
	14. Tindakan selepas Tarik Balik PPK a.Selepas tempoh sekatan tamat, pengarah/pemilik boleh memohon pendaftaran semula dengan caj mohon buka sekatan ke atas Syarikat dan Pengarah/Pemilik sebanyak RM3,000. b. Permohonan daftar semula akan diberi kelulusan selama 1 tahun c. Sekiranya dalam tempoh sah laku tersebut kontraktor masih tidak mempunyai rekod pengisytiharan projek atau penyertaan tender, sebut harga atau kerja undi, kontraktor tidak lagi dibenarkan memohon pendaftaran semula. Kontraktor perlu membuat pendaftaran baharu menggunakan nombor pendaftaran SSM yang baharu, dan maklumat serta sejarah syarikat lama tidak boleh dibawa ke syarikat Baharu		Kontraktor